

PERTANDINGAN SENI LUKIS TERBUKA PULAU PINANG PENANG ART OPEN 2022

M M X X I I

FREEDOM

KEBEBASAN

PERTANDINGAN
SENI LUKIS TERBUKA PULAU PINANG
Penang Art Open
2022

“KEBEBASAN / *FREEDOM*“

Kandungan

Kata Aluan	4
Laporan Kurator	6
Laporan Ketua Juri	8
Pemenang Utama	12
Pemenang Kategori Fotografi	14
Pemenang Kategori 2D	16
Pemenang Kategori 3D	18
Pemenang Kategori Media Baru	20
Karya-karya Pilihan	24
Jawatankuasa	44

Kata Aluan

Salam Sejahtera,

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan penghargaan kepada Jawatankuasa Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) di atas kejayaan menganjurkan Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022. BSLNPP pandangan dirinya sebagai suatu penaung seni untuk negara kita dan penganjuran pertandingan ini dapat tolong memenuhi peranan BSLNPP sebagai penaung seni. Peranan yang dimainkan oleh BSLNPP adalah amat penting dalam usaha untuk mengangkat dunia seni visual ke tahap yang lebih tinggi di samping memberikan pendidikan seni secara tidak formal kepada semua lapisan masyarakat.

Selain daripada mewarnai dunia seni visual tempatan dengan mengadakan pameran sepanjang tahun, penganjuran pertandingan ini berniat membuka ruang kepada semua pengkarya seni untuk berusaha menghasilkan karya-karya terbaik dan bermutu bagi karya mereka dipilih oleh para juri bagi dipamerkan sepanjang tempoh pameran ini. Ganjaran lumayan yang ditawarkan kepada pemenang dalam pertandingan ini turut berupaya meningkatkan motivasi para peserta untuk menghasilkan karya-karya hebat yang memberi impak positif kepada para pengunjung pameran ini. Pertandingan seperti ini juga dapat menyemai nilai-nilai yang positif, terutama dalam memupuk minat generasi muda terhadap dunia seni visual serta membentuk masyarakat lebih menghargai seni.

Di kesempatan ini, kepada semua peserta pertandingan, saya ingin mengucapkan syabas di atas usaha dan keberanian anda menyahut cabaran menyertai pertandingan ini dengan menghasilkan karya mengikut tema yang ditetapkan iaitu **KEBEBASAN** atau *FREEDOM*. Persaingan secara sihat ini menuntut komitmen yang tinggi daripada para peserta untuk menghasilkan karya yang terbaik bagi dipersembahkan di hadapan para juri.

Adalah hakikat bagi sesebuah pertandingan ada yang kalah dan ada yang menang. Bagi peserta yang menang saya ucapkan tahniah manakala bagi peserta yang tidak berjaya teruskan berusaha dan semoga kamu akan beroleh kejayaan suatu hari nanti.

Di samping itu, kepada para juri pertandingan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian anda melapangkan masa memenuhi undangan BSLNPP bagi mengadili pertandingan ini. Tanggungjawab yang diamanahkan untuk memilih pemenang dan karya-karya terbaik telah dilunaskan dengan jayanya. Tidak dilupakan juga kepada Pengarah dan warga kerja Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang yang bekerja keras demi memastikan pertandingan ini berjalan lancar, usaha anda semua adalah amat dihargai.

Akhir kata, saya percaya negara kita tidak ketandusan bakat-bakat seni yang baru andai ia sentiasa digilap dan pengkarya diberikan platform yang sewajarnya untuk menonjolkan bakat mereka. Semoga Pulau Pinang negeri kecintaan kita bukan sahaja terkenal dan dilawati oleh para pelancong kerana keindahan pantainya, bangunan-bangunan warisannya, keenakan makanannya, kepelbagaian kebudayaannya tetapi juga kerana kehebatan keseniannya.

Sekian, terima kasih.

Lee Khai
Pengerusi
Jawatankuasa Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

Kata Aluan

Laporan Kurator

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang telah menjadi acara tahunan dalam Kalendar Aktiviti Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) semenjak dari tahun 1990-an kini kembali untuk edisi tahun 2022 dengan membawakan tema “Kebebasan” atau “Freedom”. Tema ini dipilih setelah mendapat undian tertinggi daripada kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa BSLNPP. Para peserta telah diberikan kebebasan untuk menginterpretasikan tema ini berdasarkan kepada kefahaman, kreativiti, kebijaksanaan masing-masing dalam menghasilkan karya berpandukan kepada syarat-syarat pertandingan. Untuk tahun 2022, jumlah keseluruhan karya yang diterima untuk dipertandingkan adalah sebanyak 128 buah daripada 106 orang peserta: Pecahan karya-karya yang diterima mengikut kategori adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Jumlah Karya
1.	2D	101
2.	3D	16
3.	Fotografi	7
4.	Media Baru	4
Jumlah		128

Usai sesi penjurian, sebanyak 25 buah karya termasuk karya pemenang telah dipilih untuk dipamerkan. Pada edisi ini juga para juri telah bersepakat untuk menobatkan sebuah karya bagi memenangi Hadiah Utama di mana pemenangnya bakal memperoleh hadiah wang berjumlah RM15,000.00 berserta Sijil Penyertaan. Selain juga pemenang juga akan diberikan peluang bagi mengadakan pameran solo di BSLNPP dan karya tersebut akan menjadi Koleksi Tetap BSLNPP. Setiap kategori iaitu 2D, 3D, Fotografi dan Media Baru turut mempunyai pemenang dan hadiah yang bakal diperolehi adalah wang RM3,000.00,

Sijil Penyertaan dan karya-karya ini akan menjadi Koleksi Tetap BSLNPP. Selebihnya para peserta yang karya mereka terpilih untuk dipamerkan akan menerima Sijil Penyertaan.

Di kesempatan ini, pihak BSLNPP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Fauzan Bin Omar (pelukis sepenuh masa) yang telah bertindak selaku Ketua Juri serta barisan juri yang terdiri daripada Encik Alizam Bin Hasan (Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara), Encik Peter Chung Kean Beng, Encik Koay Soo Kau dan Dr. Paul Boey Teik Soon yang merupakan Ahli Jawatankuasa Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang. Di atas kesudian barisan para juri meluangkan masa bagi memenuhi jemputan penjurian ini adalah amat dihargai. Di atas sikap professional, saling bertukar pandangan, keterbukaan dalam menerima pandangan serta semangat toleransi yang tinggi telah menjadikan sesi penjurian pada kali ini berjalan licin dan lancar.

Kepada para peserta yang berjaya serta kurang berjaya, syabas di ucapkan. BSLNPP amat menghargai setiap karya yang diterima. Teruskan berusaha dan semoga akan terus maju pada masa-masa yang akan datang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Haryany Mohamad, Pengarah Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di atas tunjuk ajar dan nasihat, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penganjuran Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022. Semoga kita akan bersua lagi dalam edisi pertandingan yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.

Fairudz Ikhwan Zulkifli
Kurator
Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

Laporan Ketua Juri

Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022

Menzahirkan tema “KEBEBASAN” kepada sebuah karya seni bukannya mudah apabila pelukis berhadapan dengan maklumat terbatas ekoran ketiadaan pengenalan/rasional dalam Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022.

Diskripsi kebebasan yang jelas boleh membantu pencetus idea yang bermutu bagi menjuruskan kepada penciptaan karya yang mencabar dan bermakna.

Apakah sebenarnya erti kebebasan? Adakah kita bercakap mengenai kuasa atau hak mutlak untuk bertindak, bercakap atau berfikir secara bebas? Adakah kebebasan itu bermaksud pengecualian atau kekebalan? Atau penggunaan sesuatu yang tidak terhad, mempunyai hak istimewa atau hak akses kepada risalah terkawal?

Berkemungkinan kebebasan merujuk kepada keadaan yang dicirikan oleh ketiadaan paksaan atau kekangan yang dikenakan oleh orang lain. Sebagai contoh seorang individu dikatakan bebas sehingga dia dapat memilih tujuan atau tingkah lakunya sendiri. Dapat memilih antara alternatif-alternatif yang ada padanya, selagi dia bertindak atas kehendaknya sendiri dan tidak dipaksa dalam apa jua yang dia lakukan, dia adalah bebas.

Dikala negara berhadapan dengan kerentanan pandemik COVID-19, ketidakpastian ekonomi, pergolakan politik dalam kekeliruan, masalah kos sara hidup, risiko geopolitik dan lain-lain yang perlu ditangani, reaksi dan tindak balas pelukis untuk menggambarkan keadaan, membantu memahami, menegur, dan mengatasi polemik tanpa halangan bolehkah ditaksir sebagai bebas?

Memandangkan interpretasi kebebasan tertakluk kepada ungkapan setiap individu pihak juri berpendirian bahawa merealisasikan idea-idea kebebasan dalam Pertandingan

Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022, hanya karya-karya yang didapati mempunyai kepentingan moral dan sosial yang relevan dan kritis dalam pembangunan seni visual tanah air dipertimbangkan.

Pihak juri mengutamakan:

- 1) Pentaksiran tema kebebasan yang segar.
- 2) Karya-karya yang mempunyai stimulasi intelek yang tidak tersempit dalam kancah amalan biasa.
- 3) Karya-karya yang menampilkan persoalan-persoalan menarik dan mengupas isu dengan baik.
- 4) Kecenderungan gaya dan pendekatan semasa.

Para juri mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas undangan dan kepercayaan yang diberikan. Tahniah kepada pemenang hadiah dan para peserta yang menyertai Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022.

Fauzan Omar

Ketua Juri

Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2022.

Laporan
Ketua Juri

M M X X I I
FREEDOM
KEBEBASAN

**PEMENANG–
PEMENANG**



SIRAJUDEEN BIN KAMAL BATCHA

- Sandiwara

46 cm (W) X 31 cm (L) X 17 cm (H)

Media Campuran (Diorama)

Hadiah Pemenang Utama


DAVID LOH SWEE TATT

- Believe!


Giclee print on photographic paper

79 cm X 100 cm

Fotografi



Hadiah Pemenang Kategori Fotografi




MOHD FARIZAL BIN PUADI

- Malaysiaku

73.0 cm X 139.5 cm

Campuran (kayu dan dawai)

Karya 2D



Hadiah Pemenang Kategori Karya 2D



DHAKSHINI JEGANATHAN

- Freedom of the Soul and Mind: Art for Everyone

180 cm (L) * 90 cm (W) * 200 cm (H) (Variable dimensions during movement)

Mixed Media - Spray Paint on Aluminium & Acrylic on Wood - on Wheel Chair

Karya 2D

Hadiah Pemenang Kategori Karya 3D




MOHD EKRAM AL HAFIS BIN HASHIM

- Free Form {Mem}bentuk Bebas


Durasi 2 minit 15 saat

Experimental Animation


VIDEO




00.10-02.15




00.26-02.15




00.48-02.15



00.56-02.15



01.13-02.15



01.21-02.15



01.55-02.15



02.11-02.15

Hadiah Pemenang Kategori Media Baru



M M X X I I
FREEDOM
KEBEBASAN

**KARYA-KARYA
PILIHAN**



KHOR SEK MIN

- Togetherness, to reach our destination as the sun rises...

51 cm X 70 cm

Fotografi



OOI KOK CHUAN

- Freedom Out Of The Box

20 cm X 30 cm

Media Campuran: Fotografi cut-out, cat air and perspex sheet cutting installed on the wood.



AZMI HUSSIN

- Lie
29.7 cm X 42.0 cm
Dakwat & Akrilik



GAN HUI YI

- Full
121.92 cm X 152.40 cm
Arang atas Kanvas



CHOO KOK CHOON
 - To Voice Out!!
 70 cm X 50 cm
 Cat Minyak atas Kanvas



WONG JOO YEE
 - Freedom Of Speech
 103.5 cm X 53.0 cm
 Pencil Drawing



MOHAMAD YUSOFF BIN MAT SAAD
 - Your Position Your Choice
 80 cm X 70 cm X 35 cm
 Media Campuran



NICHOLAS CHOO HSUEH HOW
 - Kebebasan Kebebasan (Burden of Freedom)
 91.5 cm X 63.0 cm
 Media Campuran atas Papan



HIA PEI QIN
 - The Outer Limits Of A Safe House
 76.0 cm X 96.5 cm
 Cat Minyak Atas Kanvas



EUGENE NANDAKUMAR
 "The Birth"
 121 cm X 121 cm
 Media Campuran atas Kanvas



BEH MUI MUI

- Berlainan Kaum Tetapi Sama Pandangan

42.0 cm X 59.4 cm

Lakaran



HUSIN OTHMAN

- Hujan Sawit Dan Batu Di Tengah Bendang

183 cm X 132 cm

Media Campuran atas Kanvas



IZZAL KHAIRI RAMLI

- Positioning . . .

68.5 cm X 18.0 cm / setiap panel

Media Campuran atas Papan



LIM TONG XIN

61 cm X 122 cm


Media Campuran



SUHAN RAJ
- B40 Freedom
170 cm X 109 cm
Akrilik atas Kanvas



SUHAN RAJ
- The Observer
170 cm X 170 cm
Akrilik atas Kanvas



00.17-01.19



00.30-01.19



00.46-01.19



00.53-01.19



00.55-01.19



NASRUL AZLI KHALIL
- Tersumbat
1920 X 1080
Animasi 2D



RAHMI BIN BUJANG
- Hak
Seramik Mix Media
Pelbagai



ENG JUN YI
 - The Mysteries of Nature I
 56 cm X 56 cm X 17 cm
 Akrilik dan Cat Phosphorescent



ENG JUN YI
 - The Mysteries of Nature II
 56 cm X 56 cm X 17 cm
 Akrilik dan Cat Phosphorescent



Jawatankuasa Pertandingan

PENGARAH

Haryany Mohamad

PENERBITAN/ PAMERAN

Fairudz Ikhwan Zulkifli

PENOLONG PENERBITAN/ PAMERAN

Muhammad Syazwan Mat Isa

Nur Sharmimi Bakri

PAMERAN & TEKNIKAL

Mohammad Shafiq Abdul Malik

Muhammad Luqman Al Hakim Mohd Hanafiah

Muhammad Hawari Hashim

Asmazy Mat Kasim

UNIT KEWANGAN

Jannatun Wan Chee

Ilyana Abdul Rashid

PERHUBUNGAN KORPORAT

Shariffah Syibrah Syed Izal

Ahmad Faizal Ghazali

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Nor Fatin Amanina Nordin

MAJLIS PERASMIAN / SOKONGAN

Unit Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

Unit Muzium Negeri Pulau Pinang

Unit Pentadbiran

Unit Penyelidikan

Unit Keselamatan



PENANG STATE **ART** GALLERY

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang
Dewan Sri Pinang, Lebuh Light,
10200 George Town, Pulau Pinang.
Tel: 04-261 6466
www.penangmuseum.gov.my/

